

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 6, October 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Pengurusan Panitia, Kualiti Pengajaran dan Komitmen Kerja Guru Terhadap Pencapaian Bahasa Melayu di Negeri Sabah

Latifah Binti Ayang[1], Mohd Khairuddin Abdullah @ Jerry[1], Asmiaty Amat[1]
[1]Fakulti Psikologi Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Latifah Binti Ayang (intankisbob@yahoo.com)

Abstrak

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti pengurusan panitia, kualiti pengajaran dan komitmen guru terhadap pencapaian Bahasa Melayu di Negeri Sabah. Pengurusan panitia dilihat dalam aspek prinsip pengurusan panitia, sifat kendiri dan kemahiran pengurusan. Manakala kualiti pengajaran pula dilihat dari sudut dimensi persediaan pengajaran, penyampaian pengajaran dan aspek tingkah laku. Seterusnya pemboleh ubah komitmen kerja dilihat dari aspek kesediaan untuk kekal dalam organisasi dan kesediaan untuk memenuhi matlamat organisasi. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan Teori Pengurusan Saintifik Taylor, Teori Vroom dan Teori Side Bet. Pengkaji telah menggumpul sebanyak 335 soal selidik yang telah dijawab dalam kalangan responden guru yang mengajar Bahasa Melayu dan mewakili seluruh sekolah menengah bantuan penuh kerajaan di Negeri Sabah dengan mengunakan persampelan berkelompok, persampelan kluster dan persampelan rawak mudah. Manakala data pula dianalisis menggunakan program SPSS for Windows Versi 25.0 Ujian regrasi berganda menunjukkan bahawa terdapat pengaruh yang signifikan antara pengurusan panitia dan pencapaian Bahasa Melayu R^2=.485 dan pengaruh Kualiti pengajaran terhadap pencapaian Bahasa Melayu R^2=.646. Manakala pengaruh komitmen kerja terhadap pencapaian Bahasa Melayu menunjukkan nilai pengaruh R^2=.586. Seterusnya dalam analisis regrasi hierarki didapati bahawa konstruk tingkah laku pengajaran guru di bilik darjah memberi sumbangan yang paling besar iaitu sebanyak 41.0% terhadap pencapaian Bahasa Melayu. Pengkaji turut mencadangkan agar pihak berwajib bersama-sama mengembleng tenaga untuk memastikan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sentiasa cemerlang sejajar dengan taraf Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

Kata kunci: bahasa Melayu, bahasa kebangsaan, kualiti pengajaran, komitmen

Management Panel, The Quality of Teaching and Commitment to the Achievement of Malay Language in Sabah

Abstract

This study was conducted to identify the management panel, the quality of teaching and teachers' commitment to the achievement of the Malay language in Sabah. Management panel is seen in the aspects of the committee's management principles, self- properties and self-management skills. While the quality of teaching is seen from the dimensions of teaching preparation, teaching presentation and behavioral aspects. Other than that, the variable of working commitments is seen in terms of its willingness to remain in the organization and willingness to achieve organizational goal. In this study,

researcher used the Taylor Scientific Management Theory, Vroom Theory and Side Bet Theory. The researcher has collected 335 questionnaires that have been answered among teachers who teach Malay Language and representative to all high schools in Sabah State by using group sampling, cluster sampling and simple random sampling. While the data was analyzed using SPSS for Windows version 25.0. Multiple regression tests showed that there was a significant influence between management panel with the achievement of the Malay Language R^2=.485. While the variable in quality of teaching with the achievement of the Malay Language R^2=.646 and work commitment with the achievement of the Malay Language R^2=.586. . In the regression hierarchical analysis, it was found that the constructs of teaching behavior in the classroom contributed the most to 41.0% to the achievement of Bahasa Melayu.The researcher also suggested that the authorities should forces together to ensure the achievement of students in Malay Language subjects is always excellent in line with the Malay language as the National Language.

Keywords: Malay language, national language, quality of teaching, commitment

---

Pengenalan

Pengajaran dalam mata pelajaran bahasa khususnya Bahasa Melayu memerlukan kajian yang mendalam berikutan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran tersebut semakin merudum saban tahun, walhal Bahasa Melayu pernah dijadikan sebagai bahasa untuk mengajarkan agama Hindu pada zaman pra Islam walaupun dalam lingkungan yang terhad. Pernyataan ini menggambarkan bahawa Bahasa Melayu telah memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat semenjak zaman pra Islam lagi. (Noresah Baharom yang dipetik dalam Yusfarina dan Abdul Rasid, 2011).

Pengurusan panitia, kualiti pengajaran guru dan komitmen kerja guru merupakan antara tiga elemen penting yang dilihat mempunyai hubungan dengan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di sekolah khususnya untuk mata pelajaran Bahasa Melayu. Para pelajar yang lemah dalam penguasaan bahasa merupakan pelajar yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Pelajar yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ialah pelajar berbangsa Cina, India serta Bumiputera Sabah dan Sarawak. Negeri Sabah merupakan negeri yang terdiri daripada pelbagai komposisi kaum dan etnik yang berbeza dari segi pertuturan, agama, bahasa, adat mahupun kebudayaan serta kepelbagaian bahasa dan budaya. Golongan peribumi yang menetap di negeri Sabah ialah suku kaum Dusun/Kadazan, Bajau, Murut, Bisaya, Kedayan, Orang Sungai, Iranum dan Lundayeh. Antara suku-suku kaum ini, golongan Dusun/Kadazan merupakan golongan peribumi yang terbesar di negeri Sabah. Diikuti oleh bangsa Bajau yang membentuk taburan tidak sekata di beberapa buah daerah. Justeru, pembelajaran bahasa di Negeri Sabah khususnya memerlukan pengurusan yang lebih mantap, pengajaran yang berkualiti dan komitmen kerja yang berterusan. Kajian ini memfokuskan kepada pengaruh ketiga-tiga variable terhadap pencapaian Bahasa Melayu di Negeri Sabah.

Tinjauan Literatur

Pengurusan panitia, komitmen kerja dan kualiti guru dilihat sebagai satu medium yang mampu meningkatkan pencapaian pelajar dalam akademik, khususnya dalam pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu. Pengurusan panitia yang mantap sahaja tetapi tidak disertai dengan komitmen kerja yang tinggi dan kualiti guru yang unggul tidak mungkin membolehkan matlamat untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Bahkan kejayaan setiap individu juga tidak dapat diinterpertasikan hanya dengan satu sebab sahaja melainkan banyak faktor luaran dan dalaman sama ada dari segi mental atau material.

Dapatan kajian Wang & Hwang, (2007), menemukan adanya pertalian antara faktor dorongan-dorongan psikologi dengan tahap kesediaaan guru seperti aspek motivasi dan tahap kepuasan kerja. Ini menunjukkan situasi yang wujud sebelum terlaksananya sesuatu perubahan (seperti sikap guru

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 4, Issue 6, (page 161 - 169), 2019

terhadap tugas) telah memberi impak dalam mempengaruhi komitmen guru untuk melaksanakan perubahan. Hasil penemuan kajian ini menunjukkan terdapat perkaitan antara komitmen guru (dorongan psikologi) dan kualiti guru. Manakala pengurusan panitia yag sistematik hanya akan wujud jika adanya elemen komitmen guru dan kualiti guru yang akan menjurus kepada pengurusan panitia yang mantap dan seterusnya melahirkan pelajar yang cemerlang terutama dari segi akademik.

Dapatan kajian Fullan dan Hargreaves (1991) melaporkan aspek demografi seperti faktor umur guru, jantina, pengalaman mengajar dan kelayakan akademik dikatakan memberikan kesan terhadap kesediaan guru untuk melaksanakan perubahan. Sementara itu dapatan kajian Guskey (1988) menunjukkan guru memerlukan keyakinan diri sebelum menerima dan melaksanakan sesuatu tugas baru. Keyakinan tersebut pula dipengaruh idari segi sokongan, kerjasama dan minat yang ditunjukkan pelajar semasa dalam kelas.

Penelitian daripada hasil kajian Lieberipman dan Miller (1990) dan Little (1990) memaparkan guru yang mempunyai sikap positif terhadap tugas dan kesediaan bekerja bersama rakan setugas akan dapat menampilkan budaya kerja yang sihat dan seterusnya memberikan impak terhadap keberkesanan proses pelaksanaan perubahan di sekolah mereka. Guru yang bersikap positif sentiasa bersedia untuk membuka minda kepada idea-idea baru dan proaktif terhadap sesuatu inovasi. Lump, Haney, dan Zerniak (2000) pula berpendapat sikap guru dikatakan dapat memperihalkan sejauh mana penerimaan mereka terhadap perubahan yang telah dirancang. Guru yang bersikap positif akan bersedia untuk dilatih dengan kemahiran baru dan pengetahuan yang bersesuaian dengan keperluan perubahan berbanding guru-guru yang bersikap sebaliknya. Guru yang bersikap positif juga dikatakan sentiasa berasa gembira melaksanakan tugas dan akan menyempurnakan tugas pada tahap yang terbaik.

Sebagai manusia biasa, guru tidak terkecuali daripada menghadapi pelbagai karenah dan masalah. Guru-guru mempunyai latar belakang kemahiran, pengetahuan, pengalaman silam dan psikologi yang berbeza-beza. Perbezaan antara seseorang guru dengan guru yang lain akan menjadi faktor penghalang atau pendorong dalam pelaksanaan perubahan pendidikan (Fullan, 1993). Penelitian dari hasil-hasil kajian yang pernah dilakukan oleh para penyelidik memaparkan beberapa faktor yang didapati signifikan dalam mempengaruhi kesediaan dan komitmen guru. Antara lain adalah: faktor pengalaman dan kemahiran guru (Guskey, 1988), sikap guru (Ghaith & Yaghi, 1997), faktor minat dan keserasian guru terhadap perubahan itu sendiri (Mohlman,Coladarci, & Gage, 1982), faktor darjah kesukaran untuk melaksanakan perubahan (Ghaith & Yaghi, 1997) dan faktor kekitaan dan semangat kepunyaan (Kennedy, 1988).

Kita sering terlepas pandang aspek kemanusiaan yang berada pada “lapisan kedua” kerana kita kurang peka untuk menelitinya secara tekun. Kemungkinan juga kita terbawa-bawa untuk menyelesaikan sesuatu agenda dengan “cepat dan pantas” tetapi perlu difikirkan bahawa manusia bernama guru, murid, kakitangan sokongan mahu pun pengetua atau guru besar juga memerlukan tumpuan dan perhatian. Mereka adalah kumpulan sasaran yang menjadi tunggak keberkesanan sesuatu perancangan. Justeru semua pihak perlu mewujudkan “talian komunikasi” yang lebih sihat, akrab, membina, positif dan saling sokong menyokong sebagai satu pasukan supaya segala perancangan pendidikan yang disediakan dapat direalisasikan sebaik mungkin demi kemakmuran rakyat dan kehidupan sejagat yang lebih harmonis.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pencapaian Pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang hangat dibincangkan ialah mengapa mata pelajaran tersebut semakin merudum pencapaiannya dalam kalangan pelajar. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah digubal bersesuaian dengan Bahasa Melayu yang digunakan dalam kehidupan harian semasa berinteraksi dengan orang lain, mengakses maklumat, dan untuk memahami bahan bacaan. Penggunaan bahasa ini dinyatakan dalam bentuk hasil pembelajaran. Pernyataan hasil pembelajaran adalah dalam bentuk fungsian yang mencerminkan amalan harian dalam kehidupan sebenar masyarakat Malaysia. Kandungan sukatan pelajaran Bahasa Melayu ini meliputi penggunaan bahasa, kemahiran bahasa, hasil pembelajaran, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum. Bagi kemahiran bahasa, meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran bahasa merupakan teras kepada penguasaan

bahasa baku. Kemahiran berbahasa merupakan isu yang penting dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PDPC) di sekolah sejak dahuu lagi.

Menurut Siti Hajar (2009), isu yang pernah diperkatakan adalah tentang terdapatnya sebilangan pelajar sekolah rendah yang masih tidak menguasai kemahiran berbahasa, terutamanya kemahiran membaca dan menulis walaupun mereka telah menjalani sesi persekolahan selama enam tahun. Pelajar sekolah menengah pula kerap melakukan kesalahan bahasa dalam penulisan dan aktiviti lisan mereka. Justeru, bagi mengatasi kelemahan ini, pengajaran kemahiran berbahasa telah distrukturkan semula, dikemas kini dan diperkukuh dalam sukatan pelajaran bahasa sekolah rendah dan menengah. Tambahan lagi, faktor yang menyebabkan kelemahan tersebut ialah pelajar tidak berpeluang untuk mendirikan asas berbahasa yang kukuh sewaktu sekolah rendah. Pada peringkat menengah pula, pelajar lebih memberi perhatian dan tumpuan terhadap peperiksaan kerana ingin lulus. Dalam erti kata lain, pelajar mempelajari bahasa untuk menjawab soalan peperiksaan dan bukannya untuk mendapatkan kemahiran berbahasa. Dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu (2001), Kurikulum Bersepadu Sekolah Malaysia (KBSM) digariskan bahawa para pelajar harus dapat menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan tepat dan jelas tentang ilmu pengetahuan dan kegiatan seharian. Bahasa Melayu merupakan subjek wajib lulus bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Metod Kajian

Dari segi pendekatan, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Pendekatan kuantitatif telah mula digunakan oleh para pengkaji pada akhir abad ke-19 dan telah digunakan pula secara lebih meluas dalam kajian terutama bidang pendidikan pada abad ke-20 (Creswell, 2008). Pendekatan kuantitatif merujuk kepada kategori kuantiti seperti menggunakan angka skor dan kekerapan (Mohammad Najib Abd. Rahman, 2006). Sebelumnya, Zechmeister*, et. al* (2001) pula menyatakan bahawa penyelidikan kualitatif merujuk kepada kajian yang dapatannya dihasilkan menggunakan analisis statistik. Baker (1999), pula menyatakan bahawa dapatan kajian tersebut akan diringkaskan dalam bentuk angka. Konsep-konsep akan dinyatakan melalui kaedah soal selidik memandangkan kaedah tinjauan deskriftif digunakan dalam kajian ini. Selain itu teknik soal selidik juga digunakan kerana kesesuaian kaedah ini untuk mengurangkan masa dan kos kajian (Gay dan Airasian, 2003). Seterusnya kaedah soal selidik membolehkan responden tidak akan dipengaruhi oleh penyelidik (Sabitha Marican, 2009) Manakala Ahmad Mahzan Ayub, 2005) berpendapat bahawa soalan yang seragam yang digunakan dalam soal selidik akan lebih memudahkan penyelidik untuk menganalisis data.

Kajian ini juga merupakan kajian tinjauan yang dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Mengikut Mohd. Majid (2009), kajian tinjauan sering dijalankan dalam penyelidikan pendidikan. Dua jenis tinjauan yang penting dan sering dilakukan dalam bidang pendidikan ialah tinjauan sekolah dan komuniti yang bermatlamat untuk mengumpulkan maklumat mengenai pembolehubah-pembolehubah. Data diperolehi dan dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik bagi mengenal pasti pengurusan panitia, kualiti pengajaran dan komitmen kerja guru serta kaitannya dalam pencapaian Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di Negeri Sabah. Pembolehubah yang digunakan oleh pengkaji terdiri daripada pembolehubah tidak bersandar (independent Variable) iaitu Pengurusan Panitia, Kualiti pengajaran dan komitmen kerja guru. Manakala pemboleh ubah bersandar (dependent Variable) pula ialah pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian tinjauan digunakan dalam kajian ini kerana kaedah tersebut merupakan kajian yang sesuai dan tepat untuk mengetahui pemikiran, perasaan dan tingkah laku tertentu seperti mana yang diterangkan oleh Lay dan Khoo (2015).

Selain itu Pallant (2011), turut berpendapat bahawa kaedah tinjauan lebih representitatif kerana hasil dapatannya kelak boleh digeneralisasikan ke atas julat individu yang lebih besar. Oleh kerana responden melaksanakan laporan kendiri berdasarkan jawapan yang dipilih dlam soal selidik maka kaedah tinjauan ini juga berpotensi untuk menterjemahkan tingkah laku dan apek psikologi dalam populasi kajian.

Manakala kaedah analisis regrasi berganda pula digunakan untuk mengenalpasti pengaruh variabel tidak bersandar terhadap variabel bersandar (Mohammad Majid Konting, 2009). Justeru analisis regrasi ini membolehkan pengkaji dapat mengenalpasti sumbangan pengurusan panitia, kualiti pengajaran dan pembelajaran guru dan komitmen kerja guru (variabel tidak bersandar) terhadap pencapaian Bahasa Melayu (variabel bersandar).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Analisis regrasi berganda yang dijalankan adalah untuk menguji hipotesis 7 yang cuba untuk menentukan pengaruh pengurusan panitia yang terdiri daripada konstruk kemahiran pengurusan, sifat kendiri dan prinsip pengurusan panitia terhadap pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu. Dapatan analisis regrasi ditunjukkan dalam jadual 1. Berdasarkan jadual tersebut, ketiga-tiga konstruk pengurusan panitia secara signifikannya boleh menerangkan sebanyak R2=.485 atau 48.5% daripada varians dalam pencapaian Bahasa Melayu. *[F(3,334)=103.766,P<.05]*.

Jadual 1: Ringkasan Model Regrasi

Model	**R**	**R2**	**R2 Terlaras**	**Anggaran Std**	**Ralat**
1	.696[a]	.485	.480	.14417	

ANOVA[a]

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	6.470	3	2.157	103.766	.000[b]
	Residual	6.880	331	.021		
	Total	13.350	334			

Seterusnya, untuk menentukan konstruk yang meramal secara signifikan pula, ditunjukkan dalam jadual 2.

Jadual 1: Pekali Regrasi

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	.703	.233		3.013	.003
	Prinsip	.713	.089	.654	7.977	.000
	Sifat	-.036	.040	-.077	-.896	.371
	Kemahiran	.117	.064	.131	1.841	.067

Didapati bahawa hanya konstruk prinsip pengurusan sahaja yang dikenal pasti sebagai penyumbang varians dengan nilai beta=.654 *(t=7.977,p<.05)*. Manakala konstruk Sifat kendiri (Beta=-.077), (t=-.896, p>.05) dan Kemahiran Pengurusan (Beta=.131), (t=1.841, p>.05) didapati bukan peramal kerana melebihi nilai signifikan. Secara statistiknya dapatan ini menunjukkan bahawa konstruk prinsip pengurusan panitia memberi pengaruh positif terhadap pencapaian Bahasa Melayu. Dapatan ini juga turut mengandaikan bahawa tahap pengurusan panitia yang tinggi dapat meningkatkan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Parameter model regrasi berganda bagi pengaruh pengurusan panitia terhadap pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah dijelaskan seperti berikut:

Y = pemalar + $b^1 + X^1$ Prinsip pengurusan panitia
Pencapaian Bahasa Melayu = .703 + $(.713\ X^1)$

Model persamaan regrasi berganda menunjukkan nilai koefisien regrasi yang positif antara konstruk prinsip pengurusan panitia (X^1) terhadap pencapaian Bahasa Melayu.Hal ini juga menunjukkan bahawa sebarang peningkatan dalam tahap prinsip pengurusan panitia akan meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sebanyak .71.3 atau 71.3%.

Justeru, dapatan analisis regrasi yang diperoleh menerangkan bahawa terdapat pengaruh yang signifikan pada konstruk-konstruk pengurusan panitia pada aras p<.05 ke atas pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, walaupun terdapat dua konstruknya yang didapati tidak meramal secara signifikan. Maka hipotesis 7(i) yang menyatakan bahawa tidak terdapat pengaruh yang signifikan pengurusan panitia terhadap pencapaian Bahasa Melayu adalah ditolak.

Hipotesis seterusnya menguji berkaitan pengaruh kualiti pengajaran terhadap pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Konstruk-konstruk dalam pemboleh ubah kualiti pengajaran ini terdiri daripada persediaan pegajaran, cara penyampaian guru dan tingkah laku guru di bilik darjah. Ringkasan model regrasi dan Anova yang ditunjukkan dalam jadual 3 mendapati bahawa konstruk-konstruk dalam kualiti pengajaran dapat menerangkan .646 atau 64.6% daripada varians dalam pencapaian Bahasa Melayu *[F(3,334)=201.756,P<.05]*.

Manakala, bagi menentukan konstruk yang meramal secara signifikan, jadual 3 menjelaskan nilai pekali regrasi bagi setiap konstruk. Hasil analisis regrasi mendapati bahawa kesemua tiga konstruk dalam kualiti pengajaran menjadi peramal yang positif terhadap pencapaian Bahasa Melayu. Didapati bahawa konstruk Tingkah laku guru di dalam bilik darjah merupakan penyumbang terbesar dengan nilai beta = .423 (t = 7.119, p<.05), diikuti oleh konstruk penyampaian guru (beta=.379), (t=7.801, p<.05). Manakala konstruk yang menjadi peramal terendah ialah konstruk persediaan pengajaran guru dengan nilai beta=.152, (t=3.380, p<.05).

Jadual 3: Ringkasan Model Regrasi

Model	R	R2	R2 Terlaras	Anggaran Ralat Std
1	.804[a]	.646	.643	.11941

ANOVA[a]

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Reg	8.630	3	2.877	201.756	.000[b]
	Res	4.720	331	.014		
	Total	13.350	334			

Dapatan ini juga menunjukkan bahawa ketiga-tiga konstruk menunjukkan nilai positif terhadap pencapaian Bahasa Melayu. Justeru, dapatan ini menerangkan bahawa kualiti pengajaran yang tinggi dapat memberi impak positif terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Persediaan guru dalam memulakan pengajaran dan pembelajaran, kaedah penyampaian guru yang berkesan dan tingkah laku positif yang ditunjukkan oleh guru dapat menyumbang kepada peningkatan pencapaian dalam mata pelaaran Bahasa Melayu.

Jadual 4: Coefficients

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	1.106	.153		7.248	.000
	Persediaan	.092	.027	.152	3.380	.001
	Penyampaian	.365	.047	.379	7.801	.000
	Tingkahlaku	.253	.036	.423	7.119	.000

a. Dependent Variable: GPMP

Bagi menunjukkan parameter model persamaan linear bagi kualiti pengajaran dan pencapaian Bahasa Melayu ditunjukkan seperti berikut:

Y = pemalar + b^1 + X^1 Persedian pengajaran + b^2 + X^2 Kaedah penyampaian pengajaran + b^3+ X^3 Tingkah laku guru di bilik darjah

Pencapaian Bahasa Melayu = 1.106 + (.092 X^1) + (.365 X^2) + (.253 X^3)

Persamaan regrasi berganda ini menunjukkan bahawa koefisen positif antara pemboleh ubah iaitu jika kualiti pengajaran melalui persediaan pengajaran meningkat, maka akan berlaku peningkatan pencapaian Bahasa Melayu sebanyak .092 atau 9.2%. Seterusnya jika berlaku peningkatan kaedah penyampaian pengajaran guru maka peningkatan pencapaian Baahasa Melayu adalah sebanyak .365 atau 36.5%. Manakala peningkatan sebanyak .253 atau 25.3% dalam tingkah laku pengajaran guru di bilik darjah akan meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Maka, dalam kajian ini parameter model persamaan linear dalam keputusan regrasi berganda menunjukkan bahawa sebarang peningkatan dalam kualiti pengajaran guru akan turut meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.Hal ini bermakna, sumbangan nilai peramal yang signifikan untuk ketiga-tiga konstruk kualiti pengajaran terhadap pencapaian Bahasa Melayu ($p<.05$) membuktikan bahawa hipotesis 8 adalah ditolak.

Bagi menganalisis hioptesis yang seterusnya, pengujian regrasi berganda dijalankan ke atas konstruk-konstruk dalam pemboleh ubah komitmen kerja guru. Pemboleh ubah ini mempunyai dua konstruk iaitu kepercayaan terhadap organisasi sekolah dan kesediaan untuk berkhidmat terhadap organisasi iaitu sekolah. Ringkasan model regrasi dan Anova yang ditunjukkan dalam jadual 5 mendapati bahawa konstruk-konstruk dalam komitmen kerja guru dapat menerangkan .586 atau 58.6% daripada varians dalam pencapaian Bahasa Melayu *[F(2,334)=235.157,P<.05]*.

Manakala, penentuan konstruk dalam komitmen kerja guru ditunjukkan dalam jadual 5. jadual ini menerangkan bahawa kedua-dua konstruk komitmen kerja guru merupakan peramal yang signifikan terhadap pencapaian Bahasa Melayu.Namun konstruk kesediaan berkhidmat untuk organisasi sekolah memberi pengaruh secara negatif .

Jadual 5: Coefficients

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	1.755	.168		10.430	.000
	Kepercayaan	.744	.037	.721	20.325	.000
	Kesediaan	-.283	.050	-.201	-5.655	.000

a. Dependent Variable: GPMP

Keputusan regrasi berganda bagi hipotesis ini masih lagi signifikan. Bagi konstruk kepercayaan terhadap organisasi sekolah pula menunjukkan bahawa konstruk ini memberi pengaruh yang positif terhadap pencapaian Bahasa Melayu dengan nilai beta = *.721 (t = 20.325, p<.05)*. keputusan ujian ini mengandaikan bahawa peningkatan sebanyak .721 atau 72.1% akan meningkatkan tahap pencapaian Bahasa Melayu.

Jadual 6: Ringkasan Model Regrasi

Model	R	R2	R2 Terlaras	Anggaran Ralat Std
1	.766[a]	.586	.584	.12899

ANOVA[a]

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Reg	7.826	2	3.913	235.157	.000[b]
	Res	5.524	332	.017		
	Total	13.350	334			

Persamaan regrasi berganda bagi pengaruh komitmen kerja guru adalah seperti berikut:

Y = pemalar + b^1 + X^1 kepercayaan terhadap organisasi + b^2 + X^2 kesediaan berkhidmat untuk organisasi

Pencapaian Bahasa Melayu = 1.755 + (.744 X^1) + (-.283X^2)

Model persamaan berganda antara komitmen kerja guru terhadap pencapaian Bahasa Melayu yang menunjukan keputusan signifikan menerangkan bahawa terdapat pengaruh Komitmen kerja guru terhadap pencapaian Bahasa Melayu. Bagaimana pun konstruk kesediaan untuk berkhidmat terhadap oraganisasi memberi pengaruh secara negatif terhadap pencapaian Bahasa Melayu. Namun begitu dapatan adalah signifikan p<.05, maka hipotesis 9 adalah ditolak.

Kesimpulan

Pencapaian pelajar mata pelajaran Bahasa Melayu tidak harus dipandang sebelah mata sahaja kerana mata pelajaran ini bukan sahaja nadi terhadap pencapaian sesebuah sekolah tetapi juga merupakan satu amanat yang perlu dikotakan oleh anak bangsa. Kelemahan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu memperlihatkan masyarakatnya sudah hampir melupakan bahawa Bahasa Melayu yang pernah menjadi bahasa lingua Franca suatu ketika dahulu. Walaupun masih tidak banyak kajian yang dibuat, di sekolah-sekolah bandar khususnya memperlihatkan bahawa pelejar-pelajar lebih menguasai mata

pelajaran Bahasa Inggeris berbanding Bahasa Melayu. Pihak yang berwajib seharusnya memastikan pencapaian dalam kedua-dua mata pelajaran ini adalah seiring. Penekanan terhadap aspek kualiti pengajaran dan komitmen kerja guru mampu membawa perjalanan bahasa ini ke arah destinasi yang sepatutnya untuk negara Malaysia.

Rujukan

Ahmad Mahzan Ayub (2005). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Baker, B., Punswick, E. Belt, C. Fuller, E., & Young, M. (2010). Tenure and retention of newly hired principals in Texas. Austin, TX, *Texas High School Project, University Council for Educational Administration.*

Fullan, M. (2007). *The newmeaning of educational change, 4th edition*. New York: Teachers College Press.

Fullan, M., & Hargreaves, A. (1991). *What wrong fighting for you and for your school?* Toronto, Canada: Ontario Public School Teachers' Federation.

Gay, L.R., Mills, G.E. dan Airasian, P. (2006). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application. (8th Edition)*. New Jersey: Prentice-Hall Inc.

Ghaith. G., & Yaghi, H. (1997). Relationships Among Experience, Teacher Efficacy, And Attitude Towards The Implementation Of Instructional Innovation. *Teaching And Teacher Education,*13(4), 451-458.

Guskey. T.R. (1987). Context Variables That Effect Measures of Teacher Efficiacy. *Journal of Educational Research.* 41-47

Kennedy, C. (1988). Evaluation *of ELT project. Applied Linguistics,* 9(6), 392-342.

Lay Yoon Fah, Khoo Chwee Hoon (2008). *Pengenalan kepada analisis statistik dalam penyelidikan sains sosial.* Venton Publishing (M) Sdn Bhd, Selangor.

Lieberman, A., & Miller, L. (1990). Teacher development in professional practice schools. *Teachers College Record,* 92(1), 105-122.

Lump, T., Haney, J. & Szerniak, C. (2000). Assessing teachers' belief about their science teaching context. *Journal of Research in Science Teaching,* 37, 275-92.

Mohammad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan.* Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Majid Konting.(1998). Teacher Effectiveness the Beliefs of Effective Bahasa Melayu Teacher. *Pertanika Journal of school Social science and Humanities,* 61(1): 10-21.

Pallant, J. (2011). *SPSS Survival manual: a step guide to data analysis using SPSS. Allen & Unwin* (4th ed.) NSW: Allen & Unwin.*http://doi.org/10.1046/j.1365-2648.2001.2027c.x* .

Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Bahasa Melayu II.* Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Wang, H. K. C. , & Hwang, F. C. (2007). Study on organizational culture, organizational commitment and attitude toward organizational reform—comprehensive high schools as example. *The Journal of Human Resource and Adult Learning,* 3(2), 189-198.

Yusfarina & Abdul Rasid. (2011). *Bahasa Melayu kini*. Dewan Bahasa 11(04), 10-14.

Zechmeister, J. S., Zechmeister, E. B., & Shaughnessy, J. J.(2001). *Essentials of research methods in psychology.* New York: McGraw-Hill.